



Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/02/25/0137 (14)
Tarikh : 26 Mei 2025

TENAGA NASIONAL BERHAD

Wisma TNB,
Jalan Sultan Iskandar Shah,
33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Encik Muhammad Fairoz Amini bin Abd Basit)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : MSVT MENUKAR KABEL BAWAH TANAH VOLTAN TINGGI 11KV
BERSAIZ 70MMP KEPADA KABEL BAWAH TANAH XLPE 3C
240MMP DARI PE TMN DESA ANGGERIK KE PE RUMAH**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Gerik dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM18,620.28 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-03-0137/25).
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 900.00 (tidak dikembalikan) sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Gerik kepada Majlis Daerah Gerik.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Daerah Gerik.
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara clean-cut with diamond cutter atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan compactor (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/02/25/0137 (14)
Tarikh 7/6 Mei 2025

**PROJEK / KERJA : MSVT MENUKAR KABEL BAWAH TANAH VOLTAN TINGGI 11KV
BERSAIZ 70MMP KEPADA KABEL BAWAH TANAH XLPE 3C
240MMP DARI PE TMN DESA ANGGERIK KE PE RUMAH**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Gerik serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Gerik seperti di lampiran.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nurhanies Sofea binti Mohamad Azuan** di talian **018-5749099** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/05052025/Wan/Sofea

salinan kepada:

1. **Yang Dipertua,**
Majlis Daerah Gerik,
Jalan Haji Meor Yahaya,
33300 Gerik,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p.: Jabatan Kejuruteraan)

